

Sempena Hari Antidadah Antarabangsa

Ke arah dunia bebas daripada dadah

Usaha tangani masalah HIV perlu berpandukan pengetahuan sains: Unicef

B.H 26/06/07 MS 9

Oleh Hasliza Hassan

DI MALAYSIA, daripada 300,241 pengguna dadah yang direkodkan sepanjang 1988 hingga 2006, 18.4 peratus disahkan HIV positif. Agensi Anti-Dadah Kebangsaan mendaftar seramai 22,811 pengguna dadah pada 2006, 12,430 orang adalah pengguna ulangan.

Berdasarkan data yang dikumpulkan, 98 peratus pengguna dadah yang berdaftar terdiri daripada lelaki dan 71 peratus berumur 25 hingga 29 tahun. Heroin dan morfin adalah dadah pilihan di Malaysia dengan 61 peratus pengguna. Kebanyakan pengguna heroin di negara ini menyuntik dadah itu secara intravena.

Justeru, sempena Hari Antidadah Antarabangsa yang diadakan pada 26 Jun setiap tahun, kita harus bersama masyarakat dunia supaya memainkan peranan masing-masing dalam mewujudkan momentum ke arah dunia yang bebas daripada kemudaratan penyalahgunaan najis dadah.

Sempena sambutan itu, satu kempen diadakan selama tiga tahun dengan tema 'Adakah dadah mengawal kehidupan anda?' yang dilancarkan oleh Pejabat Persatuan Bangsa-

pengambilan dadah.

Pegawai Komunikasi Unicef Malaysia, Indra Kumari Nadchatram, berkata usaha bersepadu perlu untuk meningkatkan kesedaran mengenai dadah bukan hanya kerana ia diharamkan malah dadah juga menyebabkan masalah kesihatan dan mental.

Katanya, jika seseorang itu menjadi ketagih, ia bukan saja membawa padah kepada pengguna malah mereka yang rapat dengan pengguna, dan apabila diambil secara intravena boleh menyebarkan HIV.

"Kerajaan, badan bukan kerajaan, sekolah dan pihak media perlu bekerjasama supaya gandingan dapat difokuskan terutama terhadap anak muda melalui pendidikan dan jaringan rakan sebaya.

"Pelbagai landasan boleh digunakan untuk membawa inspirasi kepada anak muda seperti sukan, muzik dan hiburan. Semua itu dapat dilaksanakan dengan sokongan ibu bapa, guru dan anggota masyarakat," katanya.

Dadah mempunyai tarikan kuat kepada anak muda terutama mereka yang sedang mencari identiti diri serta dipengaruhi tawaran daripada rakan sebaya yang sudah lama terdedah dengan aktiviti menjurus pe-



demik," katanya.

Tidak kurang juga anak muda mengambil dadah kerana ingin memberontak. Mereka beralih kepada dadah bukan untuk diri sendiri tetapi untuk membuat kenyataan terhadap orang lain seperti keluarga atau masyarakat. Sesetengahnya mengambil dadah kerana ingin mencuba.

Laporan Dadah Sedunia 2006 yang dikeluarkan UNODC mencatatkan kira-kira 200 juta orang (lima peratus penduduk dunia) berumur 5 hingga 64 tahun di seluruh dunia menggunakan dadah diharamkan.

Kanabis (ganja, hashish, THC) mendahului dengan 162 juta pengguna, diikuti jenis ATS (amfetamin, methamfetamin, ecstasy, meth-kathinon) seramai 35 juta pengguna. Secara global, dijangka kira-kira 16 juta orang menggunakan opiat (opium, morfin, heroin, opiat sintetik) dan lebih kurang 13 juta orang menggunakan kokain.

Indra berkata, sebagai maklum balas terhadap HIV dan dadah, usaha menangani kedua-dua masalah yang kian meruncing itu perlu berpandukan pengetahuan sains, bukan berdasarkan ketakutan dan kejahilan.

Katanya, bagi memastikan keberkesanan perjuangan menentang HIV/Aids dan me-

dilancarkan oleh Pejabat Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu berkaitan Dadah dan Jenayah (UNODC) dalam tahun ini.

Kempen itu memberi fokus kepada pelbagai aspek pengawalan dadah seperti penyalahgunaan dadah pada 2007, penanaman dan penghasilan dadah (2008) dan perdagangan dadah haram (2009).

Kempen itu bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap masalah yang dibawa oleh dadah haram kepada masyarakat kerana tiada individu, keluarga atau masyarakat yang selamat jika dadah haram mengambil alih hidup mereka.

Dadah akan mengawal badan dan pemikiran seseorang yang mengambilnya, tanaman dadah dan pengedar dadah mungkin mengawal petani yang menanamnya, perdagangan haram dan jenayah mungkin mengawal masyarakat keseluruhannya.

Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) percaya mengambil dadah atau tidak, adalah pilihan individu, tetapi pendidikan penting dalam menyedarkan mereka mengenai kesan buruk akibat

lama terdedah dengan aktiviti menjurus penyalahgunaan dadah.

Banyak sebab anak muda berjinak dengan dadah antaranya perasaan ingin tahu, dahagakan pengalaman baru, tekanan daripada rakan sebaya, memberontak terhadap ibu bapa dan ada kalanya kurang keyakinan diri dalam perhubungan sosial.

Bagaimanapun katanya, remaja di seluruh dunia tidak berkongsi sebab yang sama mengapa mereka menggunakan dadah kerana tujuan mereka mengambil benda yang diharamkan itu adalah pelbagai mengikut keperluan serta gaya hidup.

“Sesetengah anak muda mengambil dadah untuk mengubah perasaan mereka. Jika mereka kemurungan, mereka ingin gembira. Bagi yang rasa tertekan atau gementar, mereka ingin merasakan ketenangan. Dengan mengambil dadah, mereka sering kali berfikir bahawa mereka boleh menjadi seseorang yang mereka ingini. Ada juga mengambil dadah untuk mengelak daripada tidur supaya boleh mengulangkaji atau untuk membebaskan diri daripada kehidupan aka-

“Pelbagai landasan boleh digunakan untuk membawa inspirasi kepada anak muda seperti sukan, muzik dan hiburan. Semua itu dapat dilaksanakan dengan sokongan ibu bapa, guru dan anggota masyarakat”

Indra Kumari Nadchatram
Pegawai Komunikasi Unicef Malaysia

katanya, bagi memastikan keberkesanan perjuangan menentang HIV/Aids dan melakukan sesuatu yang betul untuk kanak-kanak di Malaysia, pihak berkaitan perlu memberi layanan lebih baik kepada pengguna dadah.

“Caranya dengan memberi mereka kehor-matan seperti kita memberi hormat kepada mereka yang mempunyai keperluan dan yang berkeluarga. Apabila kita membantu pengguna dadah kekal bebas daripada HIV, kita juga melindungi pasangan seks mereka, anak yang bakal diperoleh dan masyarakat secara amnya,” katanya.

Beliau berkata, selain memberi bantuan kepada pengguna, Unicef turut berusaha memastikan pengurangan bekalan melalui penguatkuasaan undang-undang dan kerjasama dengan negara pengeluar supaya dapat memberi petani tanaman alternatif bagi menggantikan tanaman haram.

Usaha menangani masalah penggunaan dadah memerlukan usaha berterusan dan semua pihak tidak boleh putus asa kerana bilangan kematian disebabkan dadah haram semakin meningkat

INFO



- 300,241 pengguna dadah direkodkan antara 1988 dan 2006 di negara ini.
- 18.4 peratus disahkan HIV positif.
- 12,430 orang adalah pengguna (dadah) ulangan.
- 98 peratus pengguna dadah adalah lelaki (71 peratus berumur 25-29 tahun).
- Heroin dan morfin dadah pilihan di Malaysia dengan 61 peratus pengguna.



GEJALA SOSIAL: Keadaan penagih dadah 'melepak' di sekitar bangunan dan tempat awam mencatitkan pemandangan.